

**MINIT MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA
PERSATUAN PENDUDUK KONDOMINIUM LANGAT JAYA (PPKLJ)
BIL 03/2006**

Tarikh : 05 November 2006

Tempat : Dewan Rekreasi Pangsapuri Langat Jaya

Masa : 9.00 malam

HADIR

1. En. Jamaludin Bin Hassan	-	Pengerusi
2. En. Nazlan bin Abdullah	-	Setiausaha
3. En. Norazman Bin Daud	-	Penolong Setiausaha
4. En. Mohd Rizal Bin Ahmad	-	Bendahari
5. En. Irwan Zainal Bin Basri	-	AJK
6. Pn. Saadiah Bt Mohd Said	-	AJK
7. En. Shahril Bin Buyung	-	AJK
8. Pn Sabariah Bt Ibrahim	-	AJK
9. Pn Zawiyah Bt Hj. Mohd Amin	-	AJK
10. Pn Siti Aishah Bt Othman	-	Wakil kpd En Nather-AJK
13. En. Abdul Rahman Bin Abd Talib	-	Penasihat

1. UCAPAN PEMBUKAAN

Pengerusi mengucapkan Selamat Hari Raya Asidilfitri dan ribuan terima kasih kepada semua AJK yang hadir bagi menjayakan mesyuarat kali ini. Beliau juga berharap semua ahli dapat memantapkan lagi hubungan supaya seiring dengan kehidupan kita.

Pengerusi juga mengumumkan perlantikan En. Mohd Rizal Bin Ahmad selbagai Bendahari dan juga perlantikan Tuan Rahmad Bin Musa PPN sebagai Penaung persatuan.

Dalam ucapan aluan ini juga pengerusi mengucapkan tahniah kepada AJK agama atas kejayaan menganjurkan solat terawaih berjemaah dan juga jamuan berbuka puasa dalam bulan Ramadhan yang lepas.

2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT KEDUA 2006

Mesyuarat bersetuju mengesahkan minit mesyuarat pertama yang telah diadakan pada 02 September 2006.

3. MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2006

- 3.1 Pengerusi mencadangkan tarikh sambutan adalah pada hari Sabtu ,11 November 2006 bersamaan dengan 19 Syawal 2006 dan bertempat di Court Tennis Pangsapuri Langat Jaya.
- 3.2 Antara jemputan khas yang akan di jemput adalah penaung Persatuan iaitu Tuan Rahmad Bin Musa, ketua kampung Kg.

Melaka, ketua kampung kg. Sungai Raya, ketua kampung Kg. Batu 10, Datok Penghulu, wakil dari pihak pengurusan dan pemasaran Pangsapuri Langat Jaya.

- 3.3 Ahli jawatankuasa yang dilantik adalah seperti berikut :
- 1) En. Nather – Pengerusi sambutan
 - 2) Pn. Zawiah & Pn. Siti Aishah-AJK Makanan
 - 3) En. Nather & En. Shahrudin-AJK Peralatan
 - 4) En. Zainudin & En. Shahril-AJK Muzik
- 3.4 Antara menu yang akan disediakan adalah nasi beriani, daging gulai kawah, acar timun, ayam goreng berempah, lemang, nasi himpit dan kuah kacang. Minuman pula adalah air sirap bandung, ais krim soda dan teh tarik Sani. Kuih raya adalah dari sumbangan ikhlas para penghuni.

4. LAIN-LAIN HAL

- 4.1 Pengerusi mengumumkan menerima satu surat aduan dari penghuni B-3-H yang memohon untuk membuat awning di Yard rumah dan inginkan sokongan dari persatuan.
- 4.2 Borang permohonan akan di hantar ke pendaftar Persatuan pada hari Isnin, 6 November 2006.

5. PENANGGUHAN

Mesyuarat akan datang akan diadakan pada bulan 5 hb November 2006 jam 9.00 malam di Dewan Rekreasi Kondominium Langat Jaya.

Mesyuarat telah ditangguhkan pada pukul 10.30 malam.

Disediakan Oleh:

Diluluskan Oleh:

Nazlan Bin Abdullah
Setiausaha PPKLJ
Tarikh:

Jamaludin Bin Hassan
Pengerusi PPKLJ
Tarikh: